



PIHAK berkuasa Jordan telah merampas lebih 50 juta pil Captagon tahun ini. - EPA

6 juta pil Captagon dirampas di Jordan

AMMAN, JORDAN - Jabatan Kastam Jordan merampas enam juta pil Captagon di sempadan Iraq dalam apa yang disifatkan sebagai satu daripada penyeludupan dadah terbesar negara itu, lapor agensi berita *United Press International* kelmarin.

Pegawai-pegawai menemui pil tersebut diseludup di dalam dua treler yang membawa pes buah kurma.

Captagon, yang merupakan jenama bagi pil *fenethylline hydrochloride*, ialah dadah amfetamin yang dikenali di seluruh

dunia. Namun, ia lazimnya digunakan secara meluas di negara-negara Asia Barat.

Dadah sintetik itu sebahagian besar dihasilkan di Eropah dan diseludup ke Asia Barat menerusi Turkiye, demikian menurut Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat.

"Ia merupakan satu daripada dadah paling popular yang disalahgunakan oleh golongan muda di Asia Barat," kata jabatan tersebut.

Tiada sebarang maklumat lanjut mengenai bilangan sus-

pek yang ditahan dalam serbuan tersebut atau destinasi pil itu dihantar.

Captagon pada asalnya dihasilkan di Jerman dan dijual sebagai rawatan untuk masalah seperti kemurungan serta narkolepsi.

Namun, beberapa dos kecil pil tersebut boleh meningkatkan kadar denyutan jantung, suhu badan, pernafasan serta tekanan darah meningkat.

Pihak berkuasa Jordan telah merampas lebih 50 juta pil Captagon tahun ini. - AGENSI